



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KESAN PELAKSANAAN UJIAN LISAN BAHASA MELAYU (ULBM)
TERHADAP PELAJAR TINGKATAN 4
DI DAERAH KINTA SELATAN**

NORFAIZAH ABD JOBAR



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**FAKULTI BAHASA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2010

1



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KESAN PELAKSANAAN UJIAN LISAN BAHASA MELAYU (ULBM)
TERHADAP PELAJAR TINGKATAN 4
DI DAERAH KINTA SELATAN**

NORFAIZAH ABD JOBAR



05-45

**PROJEK SARJANA DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK OSI
MEMPEROLEH SARJANA PENDIDIKAN BAHASA MELAYU**



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



ptbupsi

**FAKULTI BAHASA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2010

2



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

PENGAKUAN

Saya mengaku kertas projek ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

TARIKH :

NORFAIZAH ABD JOBAR

M20081000087



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan inayah-NYA dapat juga kertas projek ini disempurnakan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih saya hulurkan kepada Dr. Seri Lanang b. Hj Rohani selaku penasihat akademik dan juga penyelia projek ini yang telah menggembelingkan tenaga tanpa mengira masa dan penat lelah dalam berkongsi buah fikiran dan juga memberikan bimbingan, tunjuk ajar, nasihat dan dorongan yang sangat besar maknanya kepada saya dalam usaha menyempurnakan kertas projek ini. Kesabaran, kesungguhan dan komitmen yang beliau telah tunjukkan amat saya kagumi.

Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan terima kasih yang tidak terhingga juga kepada Institut Pengajian Siswazah dan juga barisan tenaga pengajar Universiti Pendidikan Sultan Idris, khususnya para pensyarah di Fakulti Bahasa serta Pn. Haryaty bt. Ab Wahid selaku tenaga pembimbing data saya. Ucapan terima kasih juga saya panjangkan kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri Perak, Pejabat Pelajaran Daerah Kinta Selatan, pengetua dan guru bahasa Melayu serta juga pelajar yang terlibat di dua buah sekolah atas kerjasama yang diberikan bagi tujuan menjayakan kajian ini.



Saya juga turut mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang banyak membantu demi menjulang cita-cita bersama-sama. Rakaman terima kasih juga buat barisan pentadbir, rakan-rakan sejawat dan anak-anak didik Sekolah Menengah Vokasional Slim River yang begitu memahami dan sentiasa memberikan galakan kepada saya dalam menuntut ilmu dan menyiapkan kertas projek ini.

Akhir sekali, buat suami tercinta; Mohd Najib b. Mohd. Anwar Ali, dan anak yang tersayang; Liyana Nasuha bt Mohd. Najib yang telah banyak berkorban masa, tenaga dan juga sentiasa mendoakan kejayaan saya. Tidak lupa buat keluarga kedua-dua belah pihak yang begitu memahami dan menyokong perjuangan ini.

Sesungguhnya, segala kekurangan dan kelemahan itu datangnya daripada diri saya kerana sesuatu yang sempurna itu milik Allah S.W.T sahaja. Semoga Allah S.W.T membalas budi baik kalian.

Sekian, terima kasih.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

ABSTRAK

Kajian ini diusahakan untuk mengkaji keberkesanan Ujian Lisan Bahasa Melayu (ULBM) yang dilaksanakan di sekolah menengah. Kajian yang dijalankan ini adalah kajian tinjauan dan dijalankan di dua buah sekolah menengah. Bagi tujuan mendapatkan persampelan, sebanyak 80 orang pelajar tingkatan 4 telah dikenal pasti bagi tujuan tersebut. Sampel-sampel berkenaan terdiri daripada pelbagai kaum. Sampel-sampel tersebut juga mewakili dua kumpulan pelajar yang utama, iaitu potensi dan cemerlang. Soalan-soalan kajian yang diutarakan berhubung demografi sampel sebagai pemboleh ubah. Seterusnya, soalan-soalan kajian meninjau markah dalam Ujian Lisan Bahasa Melayu yang diperoleh buat pertama kali menjalani ujian. Selain itu, soalan kajian juga mencakupi ruang lingkup kefahaman sampel terhadap pelaksanaan ULBM yang dilaksanakan di sekolah. Selain itu, penglibatan pelajar terhadap pelaksanaan program tersebut sama ada di sekolah atau pada masa senggang turut disoal. Bagi meninjau keberkesanan ujian tersebut, impak pelaksanaannya turut diberikan perhatian dan dimuatkan dalam soalan kajian. Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai alat kajian. Perisian SPSS v.16 diguna pakai bagi usaha-usaha menganalisis dan menginterpretasi data. Pengkaji menggunakan kaedah Ujian Rujuk Silang bagi mengkaji perbezaan dua pemboleh ubah. Bagi data yang mempunyai lebih dua pemboleh ubah, pengkaji menggunakan Ujian Statistik ANOVA. Sehala untuk mencari perbezaan min dan Pekali Kolerasi Pearson r untuk mencari hubungan antara pemboleh ubah. Kajian ini mendapat bilangan pelajar yang tergolong dalam kumpulan cemerlang dan potensi mencapai gred yang sangat baik dalam ULBM adalah sama. Selain itu, terdapat hubungan yang kuat antara pemahaman terhadap konsep ULBM dengan proses pelaksanaan ULBM yang dijalankan.



05

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

THE IMPACT ON FORM 4 ULBM IMPLEMENTATION IN SOUTH KINTA DISTRICT.

ABSTRACT

This study attempts to investigate the effectiveness of Bahasa Melayu Oral Test (ULBM) in secondary schools. This is a survey research and was conducted at two secondary schools. There were 80 form four students identified as a sample of the study. The samples were from multi racial students. These students represented two group of students; potential and excellence. The research questions requested sample demography as variables. Next, the questions pointed on the marks achieved by the students who take the test for the first time. Additionally, the questions inquired students understanding to the test implemented in secondary schools. There were also some questions on students' involvement concerning the program either in school or during their free time. To investigate the effectiveness of the test, there were too some questions on the impact of the test implementation. The study used questionnaires as research tools. SPSS v.16 software was applied to analyze and interpret data. This researcher make used of crosstab method to study the difference of two variables. For the data which had two variables, the researcher applied One Way ANOVA Statistic Test to search on min dissimilar and Coleration Pearson r to search on the connection among variables. The result of the study is students either in excellence group or potential group achieved same good grades in ULBM. There was strong connection between students' understanding towards ULBM concept with ULBM implementation carried out in schools.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



KANDUNGAN

Muka surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SINGKATAN	xii

BAB 1

PENDAHULUAN



1.1	Latar Belakang Kajian	1
1.2	Penyataan Masalah	7
1.3	Objektif Kajian	8
1.4	Soalan Kajian	9
1.5	Hipotesis Nul Kajian	9
1.6	Kepentingan Kajian	10
1.7	Batasan Kajian	12
1.7.1	Tempat Kajian	12
1.7.2	Sampel Kajian	12
1.7.3	Alat Kajian	13
1.8	Definisi Operasional	13
1.8.1	Kesan	13
1.8.2	Pelaksanaan	13
1.8.3	Lisan	14
1.8.4	ULBM	15
1.8.5	Guru Pelaksana	15
1.9	Kesimpulan	16





BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	17
2.2	Konsep ULBM	18
2.2.1	Asas Pertimbangan.	18
2.2.1.1	Faktor Sosiolinguistik	19
2.2.1.2	Faktor Psikolinguistik	20
2.3	Format ULBM	22
2.3.1	Objektif	23
2.3.2	Tatacara ULBM	23
2.3.3	Aktiviti ULBM	24
2.4	Kerangka Konseptual	29
2.4.1	Model	30
2.4.2	Masa	30
2.4.3	Ibu bapa / guru / rakan	31
2.4.4	Matlamat	32
2.4.5	Pelajar	34
2.5	Pelaksanaan	34
2.5.1	Aktiviti Lisan	34
2.5.2	Kriteria Penskoran ULBM	35
2.6	Konsep Pelaksanaan	36
2.6.1	Faktor Mempengaruhi Pertuturan	39
2.7	Teori Behaviorisme	41
2.7.1	Aplikasi Eksperimen Skinner	43
2.8	Dapatan kajian Lepas	47
2.8.1	Pandangan Ahli Bahasa	49
2.9	Kesimpulan	51

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pedahuluan	52
3.2	Reka Bentuk Kajian	53
3.3	Populasi dan Sampel	53
3.4	Alat Kajian	56
3.4.1	Pembinaan Alat Kajian	57
3.4.2	Kesahan dan Kebolehpercayaan	69
3.4.3	Pembolehubah Kajian	60
3.5	Tatacara Pemerolehan Data	60
3.6	Tatacara Penganalisisan Data	61





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

3.6.1 Analisis Deskriptif	62
3.6.2 Analisis Infrensi	63
3.7 Rumusan	65

BAB 4 ANALISIS DAN INTERPRETASI DATA

4.1 Pengenalan	66
4.2 Latar Belakang Sampel	67
4.3 Analisis Dapatan Kajian	69
4.3.1 Perbezaan Pencapaian Gred ULBM	70
4.3.2 Perbezaan Pemahaman Pelajar Terhadap Konsep Pelaksanaan ULBM di Sekolah	73
4.3.3 Perbezaan Pemahaman Pelajar Terhadap Proses Pelaksanaan ULBM di Sekolah	76
4.3.4 Hubungan Antara Pemahaman Terhadap Konsep, Proses dan Kesan Pelaksanaan ULBM di Sekolah	80
4.4 Ringkasan Dapatan	82
4.5 Kesimpulan Dapatan	84



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 5 RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 Pendahuluan	86
5.2 Ringkasan Kajian	87
5.3 Perbincangan Dapatan Kajian	88
5.3.1 Pencapaian Pelajar dalam Gred ULBM	88
5.3.2 Pemahaman Pelajar Terhadap Konsep Pelaksanaan ULBM	89
5.3.3 Pemahaman Pelajar Terhadap Proses Pelaksanaan ULBM	89
5.3.4 Hubungan antara Pemahaman Pelajar Terhadap Konsep, Proses dan Kesan Pelaksanaan ULBM	90
5.4 Kesimpulan Dapatan Kajian	91
5.5 Implikasi Kajian	91
5.6 Penambahbaikan Kajian Lanjut	94
5.7 Cadangan Kajian Lanjut	95
5.8 Penutup	97



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI RUJUKAN

LAMPIRAN

- A Borang soal selidik
- B Model ULBM
- C Pemahaman Umum Pelajar Terhadap Konsep ULBM
- D Pemahaman Umum Pelajar Terhadap Proses ULBM
- E Pemahaman Umum Pelajar terhadap Kesan ULBM
- F Surat Pengenalan Diri dan Kebenaran Menjalankan Kajian daripada Institut Pengajian Siswazah, Universiti Pendidikan Sultan Idris
- G Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Bahagian Penyelidikan Pendidikan Kementerian Pelajaran Malaysia
- H Surat Kebenaran Menjalankan Kajian daripada Jabatan Pendidikan Negeri Perak
- I Surat Permohonan Menjalankan Kajian di Sekolah



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
3.4 Pecahan Kriteria Soalan	59
3.5 Jadual Skor Min	64
3.6 Anggaran Kekuatan dua Pembolehubah	65
4.1 Taburan Responden Mengikut Sekolah dan Jantina	67
4.2 Taburan Responden Mengikut Jantina dan Bangsa	68
4.3 Taburan Responden Mengikut Jantina dan Kumpulan Pelajar	68
4.4 Taburan Responden Mengikut Bangsa dan Kumpulan Pelajar	69
4.5 Taburan Responden Mengikut Gred ULBM	71
4.6 Perbezaan Min Jantina dalam Gred Pencapaian ULBM	72
4.7 Perbezaan Min Jantina Terhadap Konsep Pelaksanaan ULBM	74
4.8 Perbezaan Min Kumpulan Pelajar Terhadap Konsep Pelaksanaan ULBM	75
4.9 Perbezaan Min Keturunan Pelajar Terhadap Konsep Pelaksanaan ULBM	76
4.10 Perbezaan Min Jantina Pelajar Terhadap Proses Pelaksanaan ULBM	77
4.11 Perbezaan Min Kumpulan Pelajar Terhadap Proses Pelaksanaan ULBM	78
4.12 Perbezaan Min Keturunan Pelajar Terhadap Proses Pelaksanaan ULBM	79





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

4.13	Hubungan antara Konsep dan Kesan Pelaksanaan ULBM	81
4.14	Hubungan Antara Kesan dan Proses Pelaksanaan ULBM	82
4.15	Keputusan Hipotesis Nul Kajian	83



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

SEARAI RAJAH

No. Rajah

Muka Surat

1 Konsep Psikolinguistik	21
2 Aktiviti ULBM	25
3 Kerangka Konsep Kajian	30
4 Kriteria Penskoran	35



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENGENALAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Sistem pendidikan yang dilahirkan sering mengalami perubahan untuk meningkatkan mutu pendidikan negara dengan menekankan kepada perkembangan potensi individu secara menyeluruh dan bersepada. Perubahan dalam pendidikan amat diperlukan ekoran daripada kesan globalisasi dunia yang semakin rencam. Cita-cita dan arah haluan pendidikan negara dapat dilihat secara lebih jelas daripada intisari Falsafah Pendidikan Negara yang menjadi sumber inspirasi kepada semua usaha perancangan dalam bidang pendidikan negara. Sehubungan dengan itu, Falsafah Pendidikan negara diperlihatkan seperti berikut :



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang harmonis dan seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara demi menwujudkan masayarakat Malaysia yang taat setia, berdisiplin dan bersatu padu selaras dengan prinsip – prinsip Rukun Negara”



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Selaras dengan dasar pendidikan tersebut yang termaktub dalam Akta Pendidikan

1996, Kementerian Pendidikan melalui Pusat Perkembangan Kurikulum telah menggubal Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dengan lebih mantap atas tujuan perkembangan potensi individu secara menyeluruh seperti terkandung dalam Falsafah Pendidikan Negara. Oleh itu, malamati kerajaan hendak menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di peringkat sekolah telah terlaksana sepenuhnya mulai tahun 1981 dengan penggubalan Dasar Pendidikan negara melalui KBSR dan KBSM.

Penggubalan Sukatan Pelajaran KBSM dilakukan selaras dengan status Bahasa Melayu sebagai bahasa Rasmi negara dan menjadi mata pelajaran wajib bagi semua



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

peringkat persekolahan. Bahasa Melayu juga berperanan sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa perpaduan rakyat Malaysia. Secara umumnya Sukatan mata pelajaran Bahasa Melayu (2001) dibahagikan kepada bahagian-bahagian yang berikut:

i. Lisan

- mendengar dan memahami dan;
- perbualan dan perbincangan

ii. Bacaan dan Kefahaman

- prosa tradisional dan moden
- puisi tradisional dan moden
- prosa dan puisi jawi

iii. Penulisan berbagai-bagai bentuk karangan



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Dalam KBSM telah termaktub objektif pendidikan Bahasa Melayu selaras dengan Dasar Pelajaran Kebangsaan yang seiring dengan perkembangan pendidikan negara. Matlamat pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu yang ingin dicapai pada peringkat akhir persekolahan selama 13 tahun adalah seperti berikut:

- i. Pelajar berkemahiran dan cekap menggunakan Bahasa Melayu dalam semua bentuk komunikasi dan dalam pelbagai situasi.
- ii. Pelajar dapat menguasai dan menggunakan Bahasa Melayu dengan baik sebagai persediaan untuk menceburkan diri dalam pelbagai lapangan pekerjaan sama ada dengan sektor awam atau swasta.

(Abd Aziz Talib: 2000)



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



Jelaslah dilihat bahawa matlamat dalam pendidikan Bahasa Melayu merupakan matlamat jangka panjang yang berhubung rapat dengan peranan dan status Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa perpaduan rakyat yang berbilang kaum di negara ini.

Di samping itu, senario ini boleh diperteguh dengan tujuan pendidikan Bahasa Melayu yang membolehkan para pelajar menggunakan Bahasa Melayu secara rasmi atau tidak untuk :

- i. memahami berbagai – bagi bahan lisan dan tulisan
- ii. pelajaran, hal-hal kemasyarakatan dan perendirian, bertutur dengan fasih dan lancar
- iii. melahirkan perasaan, pengalaman, pendapat dan pengetahuan bentuk lisan dan tulisan yang secocok dengan situasi

Pendidikan bahasa Melayu sekolah menengah akan terus meningkatkan kemahiran mendengar bertutur membaca dan menulis dalam kalangan pelajar remaja dan memupuk kepekaan terhadap variasi bahasa dalam pelbagai situasi. Hal ini termasuk dalam sistem bahasa dan gaya bahasa yang indah. Pendidikan bahasa Melayu sekolah menengah juga mananam kesedaran terhadap nilai kemanusiaan secara menyeluruh melalui pembacaan bahan ilmu.





Secara amnya, matlamat yang diingini dalam KBSM terhadap pelajar seperti yang diselaraskan dengan dasar Pendidikan Kebangsaan boleh diperincikan seperti berikut,

- a. menghargai dan membanggakan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara serta alat perpaduan rakyat, sesuai dengan prinsip-prinsip Rukun Negara.
- b. memahami sistem Bahasa Melayu dari segi makna, bentuk dan fungsinya, dan menggunakanannya dengan tepat dalam kehidupan harian.
- c. menggunakan Bahasa Melayu dengan berkesan dalam bidang ilmu pengetahuan.
- d. menggunakan Bahasa Melayu dengan berkesan dalam perhubungan harian.
- e. membaca pelbagai bahan sebagai satu amalan untuk menimba ilmu pengetahuan dan memenuhi masa lapang.



Oleh itu, dengan tersedianya matlamat yang ingin dicapai maka objektif utama pendidikan Bahasa Melayu digarap sebagai panduan perancangan pengajaran yang perlu dilaksanakan oleh guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran, iaitu mendengar, memahami dan menilai pertuturan dalam siaran am dan media, selain menilai kemahiran bertutur dengan fasih dan lancar serta memberikan pendapat dan hujah-hujah yang kritis dan analitis dalam pelbagai situasi. Selain itu, guru juga dikehendaki mempunyai minat membaca pelbagai jenis bahan dengan cekap, membuat penilaian dan rumusan yang





wajar terhadap bahan bacaan pelajar di samping menyediakan pelbagai jenis bahan bacaan sastera hingga pelajar mampu menghasilkan pelbagai bentuk penulisan.

Objektif yang dinyatakan terkandung dalam kecekapan berbahasa bagi kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Hal ini berdasarkan pembahagian kecekapan yang telah ditetapkan seperti kemahiran *mendengar dan bertutur (26 kecekapan)*, membaca (15 kecekapan) dan menulis (19 kecekapan). Penguasaan kemahiran ini memerlukan kepelbagaian dalam pengajaran.

Oleh itu, jika ditinjau lisan amat ditekankan bermula dengan pembentukan falsafah pendidikan negara, penggubalan KBSM Bahasa Melayu dan matlamat akhir dalam objektif Pendidikan Bahasa Melayu, maka pentaksiran dalam lisan telah dilaksanakan pada tahun 1973 dan diubah suai mengikut perkembangan pendidikan pada tahun 2003 amatlah sesuai dengan hal tersebut. Ujian Lisan Bahasa Melayu merupakan satu bentuk pentaksiran yang wajib dilaksanakan di sekolah yang menawarkan mata pelajaran yang mempunyai komponen pentaksiran sekolah seperti kerja kursus, modul, projek, PLBS, ULBS, PEKA dan PAFA.

Mata pelajaran yang mempunyai komponen Penilaian Berasaskan Sekolah (PBS) ini telah disenaraikan dalam dokumen Peraturan dan Panduan Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia 2008. Oleh itu, hanya sekolah yang mempunyai kelulusan Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) sahaja layak menawarkan mata pelajaran berkenaan kepada calon masing-masing. Semua calon sekolah berkenaan yang mendaftar untuk mengambil mata





pelajaran tersebut, wajib melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah. Calon dikehendaki melaksanakan Pentaksiran sepanjang tempoh pengajaran dan pembelajaran tingkatan 4 dan tingkatan 5. Usaha ini dilihat amat perlu bagi menghasilkan pelajar yang berketrampilan dalam bahasa selain dapat memupuk budaya berbahasa yang cekap dan betul.

1.2 PENYATAAN MASALAH

Di Malaysia Bahasa Melayu diberikan penekanan dan status yang amat penting sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara. Dalam pendidikan pula Bahasa Melayu ialah bahasa pengantar yang digunakan hampir di semua sekolah dan juga institusi pengajian tinggi. Bahasa Melayu juga merupakan alat perpaduan kaum di negara ini.



Melihat akan peranan yang amat besar ini, maka tidak hairanlah matlamat pengajaran Bahasa Melayu berkaitan dengan peranan dan status bahasa tersebut. Oleh itu, salah satu cara untuk mencapai matlamat tersebut adalah dengan kewujudan komponen penilaian Ujian Lisan Bahasa Melayu (ULBM) seawal tahun 1974 dan dikemas kini pada tahun 2003. Hal ini kerana, sejak tahun 1994, lebih 90% pelajar lulus mata pelajaran Bahasa Melayu dalam peperiksaan SPM, namun masih ramai yang tidak boleh menguasai kemahiran bertutur dengan baik. Hasil daripada Laporan Bahagian Kementerian Pendidikan 2004 mendapat bahawa:





- a. Pelajar semakin kurang memahami akan pentingnya ULBM yang dijalankan dan;
- b. Kesungguhan pelajar untuk mencapai tahap cemerlang tidak memberangsangkan.

Selain itu, pelajar juga kurang menerima dorongan daripada kedua-dua ibu bapa mereka yang turut menyumbang kepada wujudnya masalah ini. Hal ini kerana, ibu bapa seharusnya memberikan semangat dalam usaha mencapai gred terbaik dalam Ujian Lisan. Di samping itu, perkara ini berlaku kerana pelajar lebih menumpukan sukanan pelajaran di dalam kelas berbanding kemahiran berkomunikasi yang tepat/baik. Seterusnya, masalah ini juga wujud kerana kurangnya penerangan daripada guru akan kepentingan ujian yang dijalankan dan proses pelaksanaannya. Berdasarkan dapatan dan tinjauan pengkaji terhadap fenomena ini maka pengkaji tertarik untuk meninjau dan mengkaji kesan pelaksanaan Ujian Lisan Bahasa Melayu terhadap pelajar tingkatan 4 di daerah Kinta Selatan.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian yang dijalankan oleh penyelidik ini mengkhusus kepada sasaran pelajar tingkatan 4 di dua buah sekolah daerah Kinta. Berdasarkan permasalahan kajian yang dinyatakan penyelidik akan membincangkan pelaksanaan ULBM di sekolah berdasarkan kriteria-kriteria berikut:





- i. Mengkaji peratusan bilangan pelajar yang mencapai tahap Cemerlang sejak menjalani Ujian Lisan Bahasa Melayu di tingkatan 4.
- ii. Meninjau kefahaman pelajar terhadap pelaksanaan ULBM di sekolah.
- iii. Meninjau kefahaman pelajar terhadap proses pelaksanaan ULBM di sekolah.
- iv. Mengkaji kesan pelaksanaan ULBM terhadap pelajar.

1.4 SOALAN KAJIAN

Kajian ini akan menjawab soalan-soalan berdasarkan objektif kajian yang dinyatakan.

Oleh itu, soalan yang dikemukakan:

- i. Adakah terdapat perbezaan pencapaian gred ULBM antara pelajar di sekolah?
- ii. Adakah terdapat perbezaan antara pemahaman konsep pelaksanaan ULBM di sekolah berdasarkan jantina, kumpulan pelajar dan kaum?
- iii. Adakah terdapat perbezaan antara pemahaman pelajar terhadap proses pelaksanaan ULBM di sekolah berdasarkan jantina, kumpulan pelajar dan kaum?
- iv. Adakah terdapat hubungan antara pemahaman terhadap konsep pelaksanaan ULBM dan pemahaman terhadap proses pelaksanaan ULBM terhadap kesan pelaksanaan ULBM di sekolah?

1.5 HIPOTESIS NUL KAJIAN

Bagi tujuan analisis statistik inferensi (soalan kajian i, ii, iii, iv), hipotesis dinyatakan dalam bentuk nul dan diuji pada aras keertian 0.05. Terdapat sembilan hipotesis nul untuk diuji dalam kajian ini. Hipotesis tersebut adalah seperti berikut :

H₀₁ : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina pelajar dalam pencapaian gred ULBM di sekolah?





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Ho₂ : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina pelajar dengan pemahaman konsep ULBM.

Ho₃ : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kumpulan pelajar dengan pemahaman konsep ULBM.

Ho₄ : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara keturunan pelajar dengan pemahaman konsep ULBM.

Ho₅ : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina pelajar dengan pemahaman proses pelaksanaan ULBM.

Ho₆ : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kumpulan pelajar dengan pemahaman proses pelaksanaan ULBM.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Ho₇ : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara keturunan pelajar dengan pemahaman proses pelaksanaan ULBM.

Ho₈ : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pemahaman konsep ULBM dan kesan pelaksanaannya di sekolah.

Ho₉ : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pemahaman terhadap proses pelaksanaan ULBM dan kesan pelaksanaan ULBM di sekolah.

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



Setelah lebih 20 tahun ULBM dijalankan namun arah dan hala tujunya masih kurang difahami oleh pelajar. Selain itu, pencapaian yang diharapkan juga turut kurang memberangsangkan ekoran daripada pelaksanaannya yang tidak jelas.

Oleh itu, pengkaji memilih kumpulan sampel daripada tingkatan 4 atas sebab beberapa perkara yang dipertimbangkan. Antaranya, kumpulan pelajar ini lebih matang semasa mengemukakan jawapan berbanding pelajar tingkatan 3. Di samping itu, mereka tidak menduduki peperiksaan awam. Ketiganya, kumpulan pelajar ini telah menjalani pentaksiran. Selain itu, guru-guru bahasa Melayu dapat memberikan kerjasama dan juga bimbingan kepada pelajar untuk melaksanakan ULBM ini.

Kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk meninjau kesan pelaksanaan ULBM di sekolah yang terpilih memberikan manfaat kepada kumpulan sampel yang terlibat. Selain itu, kajian ini juga meninjau aktiviti/model yang menjadi pilihan utama pelajar. Faktor-faktor lain seperti peranan guru dan keluarga juga turut menjadi dikaji dalam proses pelaksanaan ULBM.

Oleh yang demikian kajian ini diharapkan dapat memberikan maklumat kepada guru, pihak pentadbir sekolah, ibu bapa dan pegawai perancang kurikulum Bahasa Melayu supaya mengambil inisiatif bagi menghasilkan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang lebih sistematik dan berkesan.

Kajian ini juga diharapkan dapat mengubah sikap dan amalan pengajaran guru secara umumnya tidak mementingkan penguasaan kemahiran lisan yang berkesan. Selain





itu, diharapkan juga kajian ini mampu mengubah amalan pembelajaran pelajar ke arah yang lebih mantap dan mengamalkan kemuliaan dalam berbahasa yang sempurna.

Di samping itu juga, dapatan daripada kajian ini diharapkan mampu memberi maklumat tambahan kepada pihak Kementerian Pendidikan berkaitan kepentingan penguasaan kemahiran lisan yang perlu dipupuk sejak di bangku sekolah rendah lagi. Hal ini penting bagi meningkatkan keyakinan pelajar untuk menguasai kemahiran berbahasa yang lancar.

Selain itu, kajian ini juga boleh memberikan kesedaran kepada ibu bapa akan kepentingan kemahiran lisan sebelum mengajarkan kemahiran membaca dan menulis. Hal ini kerana, kemahiran lisan yang sempurna mampu membentuk peribadi dan sahsiah anak yang mulia.



1.7 BATASAN KAJIAN

Kajian yang akan dijalankan ini terarah kepada kumpulan pelajar yang berada di tingkatan 4 sahaja dan hanya melibatkan dari 2 buah sekolah di daerah Kinta Selatan. Kumpulan pelajar yang terpilih akan dibahagikan kepada dua, iaitu; pelajar cemerlang dan pelajar pontensi lulus.

1.7.1 Tempat kajian

Tempat kajian ini terbatas di negeri Perak dan melibatkan dua sekolah di daerah Kinta Selatan.

1.7.2 Sampel kajian





Kajian ini terbatas kepada pelajar tingkatan 4 sahaja yang mengikuti pendidikan formal pada tahun 2010. Pelajar tersebut terdiri daripada pelajar lelaki dan perempuan meliputi pelbagai kaum di sebuah sekolah luar bandar di daerah Kinta Selatan. Oleh itu, hasil kajian tidak dapat dirumuskan kepada semua pelajar di seantero Malaysia tetapi hanya melibatkan sekolah yang terpilih sahaja sahaja.

1.7.3 Alat kajian

Kajian yang dijalankan akan menggunakan borang soal selidik yang diurus tadbir oleh guru Bahasa Melayu sekolah tersebut. Data akan dianalisis menggunakan perisian SPSS 16.0 bagi melihat kolerasi antara pemboleh ubah yang terlibat.

1.8 DEFINISI OPERASIONAL



Untuk kajian ini, pengkaji mendefinisikan beberapa istilah yang digunakan dalam tajuk kajian antaranya seperti berikut;

1.8.1 Kesan

Berdasarkan Kamus Dewan edisi keempat (2005 : 556), kesan bermaksud sesuatu (sama ada kebaikan atau keburukan) yang timbul daripada sesuatu kejadian perbuatan, tindakan daripada sesuatu, efek. Sehubungan dengan itu, dalam kajian ini kesan yang akan dikaji meliputi kefahaman pelajar terhadap proses, pelaksanaan dan kesannya terhadap diri pelajar.

1.8.2 Pelaksanaan





Berdasarkan Kamus Dewan edisi keempat (2005 : 871), pelaksanaan bermaksud perihal, perbuatan atau proses melaksanakan (menjalankan, mengusahakan) rancangan (tugas). Oleh itu, dalam konteks kajian ini pelaksanaan membawa makna proses pelaksanaan ULBM terhadap pelajar.

1.8.3 Lisan

Berdasarkan Kamarudin Hj. Husin (1999 : 3), lisan bermakna percakapan atau pertuturan, iaitu melahirkan bahasa melalui suara atau sebutan. Menurut beliau lagi, kita akan bercakap apabila kita belajar sesuatu bahasa. Kita akan mengucapkan sesuatu ketika hendak membuat perhubungan atau berinteraksi dengan orang lain. Berdasarkan Kamus Dewan (2005 : 948) pula, lisan sesuatu yang diucapkan dengan mulut (tidak bertulis).

Secara keseluruhannya, lisan dalam konteks ini membawa maksud kaedah bertutur dan mendengar yang perlu pelajar dilalui mengikut peraturan yang telah ditetapkan. Skinner (1972), mengatakan bahawa bahasa lisan lahir daripada perlakuan yang menghasilkan pola-pola bunyi tertentu yang menggerakkan seseorang untuk melakukan sesuatu. Manakala, bagi Wood (1976) (dalam Zamri Mahamood 2007 : 100), bahasa lisan dapat ditinjau daripada empat tahap bunyi, iaitu;

(a) bunyi (fonologi) ialah bunyi dalam aspek komunikasi diuraikan dalam sistem fonologi sesuatu bahasa. Bunyi-bunyian yang dihasilkan untuk sesuatu tujuan dan mempunyai makna tertentu atau sekadar mengujarkan bunyi sahaja.

(b) kata (morfologi) kata merupakan satu aspek bahasa lisan yang dapat dilihat pada manusia. Perbendaharaan kata sesuatu bahasa merupakan sumber makna yang penting bagi kanak-kanak itu.





- (c) struktur (sintaksis) merupakan aspek yang tidak kurang pentingnya dalam komunikasi lisan. Semakin tinggi keupayaan seseorang kanak-kanak itu membina ayat yang kompleks, maka semakin tinggi pontensi mereka untuk berkomunikasi dengan makna yang khusus.
- (d) makna (semantik) merupakan aspek komunikasi yang sering menimbulkan masalah. Kanak-kanak mempelajari aturan semantik bahasa mereka secara perlahan-lahan. Kanak-kanak mengambil masa yang panjang untuk mempelajari makna dalam ayat seperti bunyi, kata dan struktur bahasa mereka.



1.8.4 Ujian Lisan Bahasa Melayu (ULBM)

Ujian Lisan Bahasa Melayu telah dilaksanakan sejak tahun 1973 dan dikemas kini pada tahun 2003 atas dasar kekurangan yang terdapat dalam ULBM pada tahun sebelumnya. Dalam kajian ini, hanya melibatkan keputusan ULBM pelajar tingkatan 4 sahaja. Pelajar diwajibkan menjalani ULBM kali pertama dalam bulan Januari hingga Mac pada tahun tersebut dan kali kedua bulan Jun hingga September. Manakala semasa di tingkatan 5, pelajar dikehendaki menjalani ujian lisan yang ketiga iaitu pada bulan Februari hingga April.





1.8.5 Guru pelaksana/Pentaksir

Merujuk kepada guru yang bertanggungjawab melaksanakan pentaksiran ujian lisan bahasa Melayu di sekolah. Guru-guru berkenaan merupakan guru yang mengajarkan bahasa Melayu kelas tersebut dan telah dilantik oleh setiausaha Ujian Lisan Bahasa Melayu sebagai pentaksir sekolah.

1.9 KESIMPULAN

Ujian Lisan Bahasa Melayu merupakan salah satu wadah dalam membentuk kemahiran bertutur dan mendengar yang baik dalam kalangan pelajar dan masyarakat amnya. Kesopanan dan kesantunan berbahasa tidak dapat dilahirkan dengan sempurna jika usaha secara berterusan tidak diteruskan secara jitu. Dalam masa yang sama, amatlah wajar sekiranya ujian sebegini dapat dimanfaatkan secara bersama-sama dalam usaha melahirkan remaja yang cekap dalam berbahasanya dan mulia dalam pertuturannya seterusnya mampu menyerlahkan budaya berbahasa rakyat Malaysia yang indah.

Dalam usaha melahirkan masyarakat yang berketrampilan berbahasa usaha yang bersepadau amat diperlukan bermula dari rumah seterusnya dimantapkan dengan sokongan daripada pelbagai pihak terutamanya pihak sekolah dan media massa. Selain itu, manfaat yang diperoleh daripada lisan yang jitu akan membawa kebaikan yang mampu mengubah tanggapan sesetengah pihak terhadap kemampuan bahasa Melayu menjadi bahasa dunia.

